## JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR (JKNJ)

# KENYATAAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **kod bidang** berkaitan serta mempunyai token ePerolehan yang aktif bagi tawaran seperti berikut :-

| TAJUK | NO. TENDER | KAEDAH PEROLEHAN | TARIKH, MASA DAN TEMPAT PENDAFTARAN |
|---|---|---|---|
| **Tender Perkhidmatan Sajian Makanan Secara 'Outsource' Di Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun 2017 - 2020** | **JKNJ P&A/(S)/(OUT HSI) 1/2017 Bidang 040103 (Makanan Bermasak Islam)** | **Secara ePerolehan<br><br>13 Jun 2017 (Selasa)** | **Tarikh : 21 Mei 2017<br>Masa : 2.30 Petang<br>Tempat : Bilik Seminar Aras 2, HSI, Johor<br><br>KEHADIRAN TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN** |

2. Sila bawa bersama Sijil Asal Pendaftaran dan Sijil Taraf Bumiputra (jika ada) dari Kementerian Kewangan yang masih sah tempohnya beserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan).

3 Kehadiran pendaftaran lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN.** Kegagalan untuk hadir mendaftar tender ini akan menyebabkan tawaran tender ini **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Hanya **PENAMA** di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sahaja yang layak / boleh menghadiri pendaftaran lawatan tapak atau sesi taklimat tender. (Rujuk perkara 8(vii) PK2 – Kaedah Perolehan Kerajaan, Pekeliling Perbendaharaan 1PP)

4. **Borang pendaftaran** boleh diperolehi di laman web **www.eperolehan.com.my,** perlu diisi butiran berkaitan dan diserahkan kepada urusetia yang bertugas (rujuk tarikh taklimat tapak dalam jadual di atas) untuk pengesahan pendaftaran. Ini bagi membenarkan syarikat-syarikat mengakses maklumat di dalam sistem tersebut (eP enable). Bukti kehadiran adalah berdasarkan cop rasmi pengesahan dari jabatan ini.

5. Tawaran Kewangan dan Tawaran teknikal hendaklah dikunci masuk (key-in) ke dalam sistem ePerolehan sebelum atau pada tarikh tutup tender **Jam 12.00 tengahari,** manakala dokumen manual/sokongan yang lain hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) sampul yang berlainan serta dicatatkan **Nombor Cadangan Pembekal (Y025109990117xxxx) dan Nombor Tender (X025109990117xxxx)** pada penjuru atas sebelah kiri sampul surat bagi kedua-dua sampul surat. Kedua-dua sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul besar dan dimasukkan ke dalam peti tender dan dialamatkan kepada :-

**Pengarah Kesihatan Negeri Johor**
**Bahagian Pengurusan (Perolehan & Aset)**
**Jabatan Kesihatan Negeri Johor**
**Tingkat 4, Blok B, Wisma Persekutuan**
**Jalan Ayer Molek 80590 JOHOR BAHRU**
**Tel. No : 07- 2231182 Cik Nur Hafiqah binti Kamarazaman (Telecenter)**
**07 - 2226008 - Siti Nur Aishah Mat Nazri (Telecenter)**
**073565000 – Pn. Fauziah Hanim (HSI / Spek)**

6. Pembekal boleh mengubah cadangan-cadangan yang dihantar secara atas talian (on-line) sebelum tarikh dan masa di tutup.

7. Jabatan Kesihatan Negeri Johor tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender. Semua perbelanjaan bersabit dengan Tender ini adalah tanggungjawab pembekal sendiri.